



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**PERLINDUNGAN KANAK-KANAK DI MALAYSIA: MENILAI
KEBERKESANAN JAGAAN PELIHARA DARI PERSPEKTIF
UNDANG-UNDANG**

*CHILD PROTECTION IN MALAYSIA: ASSESSING THE EFFICACY OF FOSTER
CARE FROM A LEGAL PERSPECTIVE*

Muhammad Daniel Misni^{1*}, Nadhilah A. Kadir^{2*}

¹ Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: a179762@siswa.ukm.edu.my

² Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: nadhilah@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 17.12.2023

Revised date: 30.01.2024

Accepted date: 28.02.2024

Published date: 18.03.2024

To cite this document:

Misni, M. D., & A.Kadir, N. (2024).
Perlindungan Kanak-Kanak Di
Malaysia: Menilai Keberkesanan
Jagaan Pelihara Dari Perspektif
Undang-Undang. *International
Journal Of Law, Government And
Communication*, 9 (35), 74-88.

DOI: 10.35631/IJLGC.935007

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Jagaan pelihara berfungsi sebagai sistem sokongan penting untuk kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan di Malaysia yang tidak dapat tinggal bersama keluarga kandung mereka disebabkan isu tertentu seperti pengabaian, penderaan atau pembuangan bayi. Artikel ini mengkaji konsep jagaan pelihara, pelaksanaan undang-undang dan cabarannya. Dengan meneliti perundangan sedia ada, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti aspek-aspek di mana penambahbaikan boleh dibuat untuk meningkatkan keberkesanan jagaan pelihara sebagai sebahagian daripada sistem perlindungan kanak-kanak di Malaysia. Sistem jagaan pelihara di Malaysia dikawal oleh Akta Kanak-Kanak 2001 dan diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menyediakan pemeliharaan berasaskan keluarga terutamanya untuk kanak-kanak yang dibuang. Artikel ini menggunakan satu kajian kualitatif, yang mendedahkan cabaran dan kekangan dalam rangka kerja undang-undang yang sedia ada. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiada undang-undang khusus yang mengawal jagaan pelihara di Malaysia. Oleh itu, artikel ini menekankan keperluan untuk meningkatkan keberkesanan perundangan jagaan pelihara di Malaysia dengan meningkatkan sumber dan sokongan untuk ibu bapa pelihara, melaksanakan program latihan standard untuk mereka, mengukuhkan mekanisma pemantauan dan penilaian, serta menggalakkan kerjasama dan perkongsian maklumat di kalangan agensi berkaitan. Ini bagi memastikan hasil positif dan kebajikan jangka panjang kanak-kanak dalam jagaan pelihara di Malaysia.

Kata Kunci:

Jagaan Pelihara, Jagaan Alternatif, Pemeliharaan Berasaskan Keluarga, Perlindungan Kanak-Kanak, Akta Kanak-Kanak 2001

Abstract:

Foster care serves as a crucial support system for children in need of care and protection in Malaysia who cannot live with their biological families due to issues such as neglect, abuse, or abandonment. This article examines the concept of foster care, its legal implementation, and challenges. By scrutinizing existing legislation, the paper aims to identify areas for improvement to enhance the effectiveness of foster care as part of the child protection system in Malaysia. The foster care system in Malaysia is primarily governed by the Child Act 2001 and managed by the Social Welfare Department in providing family-based care, especially for abandoned children. This article employs a qualitative study, revealing challenges and limitations within the existing legal framework. The findings indicate that there is no specific law governing foster care in Malaysia. Therefore, the article emphasizes the need to enhance the effectiveness of foster care legislation by increasing resources and support for foster parents, implementing standardized training programs for them, strengthening monitoring and evaluation mechanisms, and encouraging cooperation and information sharing among relevant agencies. This is to ensure positive outcomes and long-term welfare for children in foster care in Malaysia.

Keywords:

Foster Care, Alternative Care, Family-Based Care, Child Protection, Child Act 2001

Pengenalan

Bagi kanak-kanak di Malaysia yang tidak dapat tinggal bersama keluarga kandung mereka disebabkan isu tertentu seperti pengabaian, penderaan atau pembuangan bayi, jagaan pelihara atau dalam istilah bahasa inggerisnya, *foster care*, berfungsi sebagai sistem sokongan penting untuk mereka. Ianya juga merupakan salah satu bentuk jagaan alternatif yang merupakan sebahagian daripada sistem perlindungan kanak-kanak di Malaysia. Jagaan alternatif bertujuan untuk menggantikan penjagaan ibu bapa kandung, sama ada sebahagian atau sepenuhnya (Hunt, 1982).

Menurut *Encyclopedia of Children Health* (2022), konsep jagaan pelihara membawa maksud penjagaan gantian sepenuh masa ke atas kanak-kanak di luar rumah mereka sendiri oleh orang selain daripada ibu bapa kandung atau angkat atau penjaga sah mereka. Dalam erti kata lain, kanak-kanak dipisahkan daripada ibu bapa kandung atau penjaga sah lain yang kemudiannya ditempatkan dalam jagaan pelihara disebabkan pelbagai kemungkinan. Kebanyakan tanggungjawab ibu bapa pelihara terhadap anak pelihara ditakrifkan dengan jelas dalam kontrak yang sah. Selain itu, menurut Dewan Bahasa Dan Pustaka (2017), jagaan bermaksud pengawasan atau kawalan manakala pelihara pula bermaksud membela, menjaga atau merawat contohnya seorang anak sehingga ia dewasa. Secara ringkasnya, jagaan pelihara boleh merujuk kepada pengawasan dan kawalan terhadap kanak-kanak dengan maksud membela, menjaga atau merawat sehingga mereka meningkat umur dewasa.

Manakala bagi definisi undang-undang, *Adoption and Foster Care Analysis and Reporting System (AFCARS) US, Code of Federal Regulations (CFR)* di Amerika Syarikat telah mentafsir jagaan pelihara sebagai jagaan gantian 24 jam untuk kanak-kanak di luar dari rumah mereka sendiri. Walau bagaimanapun, di bawah undang-undang Malaysia, tiada definisi yang spesifik berkaitan jagaan pelihara. Sungguhpun begitu, Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan “ibu atau bapa peliharaan” yang bermaksud seseorang yang bukan ibu atau bapa atau saudara kepada seseorang kanak-kanak. Di Malaysia, jagaan pelihara adalah konsep yang agak kurang dikenali berbanding dengan program perkhidmatan anak angkat dan adalah penting untuk menyedari bahawa pengangkatan dan jagaan pelihara berasaskan keluarga ini mewakili dua konsep yang berbeza (Chan, 2008).

Jagaan pelihara merupakan satu bentuk jagaan alternatif berteraskan pemeliharaan berasaskan keluarga terhadap kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Ini termasuklah kanak-kanak tanpa ibu bapa, yang dibuang, didera atau diabaikan (Akta Kanak-Kanak 2001, s.17). Namun demikian, tiada undang-undang spesifik yang mengawal selia penempatan kanak-kanak melalui jagaan pelihara di Malaysia selain daripada peruntukan yang terhad dalam Akta Kanak-Kanak 2001. Di Malaysia, jagaan institusi secara tradisinya menjadi tindak balas utama untuk kanak-kanak ini dengan bilangan mereka yang tinggal di institusi jauh lebih tinggi berbanding jagaan pelihara atau pengangkatan, walaupun data khusus mengenai perkara ini tidak tersedia (UNICEF EAPRO, 2006). Terdapat trend global yang semakin meningkat ke arah pilihan pemeliharaan berasaskan keluarga untuk kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Selaras dengan ini, pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 pada 2016 di Malaysia mengutamakan pemeliharaan berasaskan keluarga untuk kanak-kanak ini dan menganggap jagaan institusi sebagai pilihan terakhir (Kerajaan Malaysia, 2016). Pelaksanaan pemeliharaan berasaskan keluarga dimulakan pada 2017 berikutan pindaan ini dengan menekankan bahawa ibu bapa kandung dan pelihara harus diberi keutamaan dalam menyediakan pemeliharaan, perlindungan, dan pemulihan untuk kanak-kanak ini. Anjakan ini bertujuan untuk memastikan bahawa kanak-kanak ini ditempatkan dalam pemeliharaan berasaskan keluarga berbanding jagaan institusi (Chan, 2015; Joyce, 2023). Walau bagaimanapun, sorotan literatur tidak meneroka secara mendalam mengenai dasar, undang-undang, peraturan dan cabaran dalam melaksanakan pemeliharaan berasaskan keluarga di Malaysia terutamanya melalui jagaan pelihara.

Sorotan Literatur

Perbincangan sorotan literatur dibahagikan kepada tiga tema iaitu, konsep jagaan pelihara, serta jagaan pelihara dari perspektif Islam dan perspektif undang-undang Malaysia.

Konsep Jagaan Pelihara

Frank (1983) telah menerangkan beberapa isu perundangan yang berlaku secara terperinci dalam kalangan kanak-kanak iaitu kesihatan, pendidikan, kebajikan dan advokasi kanak-kanak. Inisiatif perundangan yang diambil oleh Virginia Department of Social Services dan Illinois Department of Children and Family Services bagi mengatasi masalah penderaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak ini memberikan cabaran yang besar termasuklah kesukaran dengan peruntukan bajet dan juga sistem inovasi. Namun, penulis tidak menerangkan tentang sistem konsep jagaan pelihara dalam memberikan perlindungan yang berkesan terhadap kanak-kanak.

King (1989) memperlihatkan implikasi emosi, kewangan, undang-undang dan praktikal bagi mengambil kanak-kanak atau anak orang lain ke dalam jagaan sendiri. Perbezaan antara konsep

jagaan pelihara (*foster care*) dengan konsep pengangkatan (*adoption*) dan kesan terhadap ibu bapa kandung dan ibu bapa pelihara juga turut diterangkan dalam buku ini. Walaupun tiada penerangan menurut perspektif Islam, perbandingan perbezaan antara dua konsep ini akan dijadikan asas bagi pendekatan kajian untuk memahami konsep yang sebenar jagaan pelihara. Stahl (1990) menyediakan panduan praktikal dalam menjaga dan mengasuh anak pelihara, dengan perhatian khusus diberikan terhadap kesan emosi penempatan jagaan pelihara terhadap kanak-kanak, dan keperluan khas serta masalah mereka dari peringkat bayi hingga remaja. Panduan umum ini memberikan manfaat kepada mereka yang berminat untuk menjadi ibu bapa pelihara dan perkara-perkara berkaitan dengan jagaan pelihara. Namun, penempatan melalui jagaan pelihara ini tidak dikaitkan secara khusus dengan perundangan.

Koleksi oleh Frost (2005) memberi tumpuan kepada kebajikan kanak-kanak dalam pengertian khusus iaitu kebajikan dan campur tangan sosial dengan kanak-kanak dan orang muda yang diuruskan oleh badan-badan kerajaan atau bukan kerajaan. Frost menyatakan bahawa istilah 'kebajikan kanak-kanak' digunakan secara berbeza dalam pelbagai persekitaran antarabangsa. Sebagai contoh, di United Kingdom kebajikan kanak-kanak cenderung merujuk kepada program individu untuk kanak-kanak yang mengalami masalah dalam kehidupan mereka. Manakala di negara lain seperti India ianya boleh merujuk kepada program perumahan dan pemakanan utama. Koleksi ini secara umum mengambil pendekatan inklusif terhadap perspektif antarabangsa berkaitan kebajikan kanak-kanak. Walaubagaimanapun tiada perbincangan mengenai jagaan pelihara dari perspektif Malaysia.

Jagaan Pelihara dari Perspektif Islam

Dalam Islam, jagaan pelihara dijelaskan sebagai konsep kafalah. Sebagai contoh, Ahmad (1999) menjelaskan bentuk pengangkatan yang dibenarkan dalam Islam sebagai kafalah atau jagaan pelihara berdasarkan undang-undang. Ahmad merujuk kepada takrifan kafalah seperti yang diperuntukkan dalam Kod Keluarga Algeria yang bermaksud, janji untuk memelihara kanak-kanak di bawah umur tanpa bayaran, serta menyediakan pendidikan dan perlindungan dengan cara yang sama seperti yang dilakukan oleh seorang bapa untuk anaknya. Beliau mendedahkan bahawa perbezaan antara pengangkatan dalam Islam dan pengangkatan seperti yang difahami di negara Barat adalah penafian identiti dan keturunan. Dalam Islam, anak angkat tidak diiktiraf dan konsep jagaan pelihara dalam memelihara pertalian darah antara anak pelihara dengan ibu bapa kandungnya adalah menyerupai konsep kafalah. Selain itu, Al Jawdah (2020) dan M Usang dan Sloth-Nielson (2014) turut mendalami konsep kafalah dan batasan-batasan yang perlu dijaga antara anak pelihara dan ibu bapa pelihara seperti aurat, pergaulan dan pewarisan. Manakala, Grosz (2006) telah mengenal pasti Perkara 20 Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) yang menyatakan tentang penjagaan alternatif untuk kanak-kanak yang dilucutkan persekitaran keluarga mereka. Antara bentuk penjagaan alternatif ini termasuklah kafalah kerana negara Islam tidak mengiktiraf pengangkatan. Grosz juga menyebut bahawa kafalah adalah jagaan pelihara secara tetap tetapi anak itu tidak mengambil nama keluarga pelihara dan dia tidak memperoleh hak mewarisi.

Oleh itu, walaupun pengangkatan yang memutuskan pertalian darah antara anak dan ibu bapa kandungnya tidak diiktiraf dalam Islam, kanak-kanak tanpa ibu bapa masih boleh dipelihara oleh orang lain melalui konsep kafalah. Namun begitu, kajian di atas cenderung untuk menekankan perbezaan dalam aspek hukum dan identiti anak pelihara, tetapi kurang dalam aspek praktikal, sosial, dan psikologi bagi kanak-kanak yang terlibat.

Jagaan Pelihara dari Perspektif Undang-Undang Malaysia

Bagi aspek jagaan pelihara di Malaysia, Mohd (2008) dan A.Kadir (2011) telah menekankan bahawa jagaan pelihara dan pengangkatan merupakan mekanisme penting untuk melindungi kanak-kanak yang memerlukan penjagaan dan perlindungan, khususnya kanak-kanak terbiar atau tanpa ibu bapa. Chan (2008) pula telah menjalankan analisis perbandingan bagi menyelidiki konsep jagaan pelihara dan pengangkatan berdasarkan amalan di Malaysia. Tambahan pula, dalam memfokuskan kepada konsep jagaan pelihara di Malaysia, Bajuri, Sarnon@Kusenin, Saim, dan Ibrahim (2018a) telah menjalankan kajian untuk menerokai tentang pengetahuan ibu bapa pelihara dalam memberikan jagaan pelihara. Penemuan mereka mendedahkan bahawa ibu bapa pelihara telah memperoleh pengetahuan mereka tentang pemeliharaan berasaskan keluarga melalui pengalaman mereka sendiri. Dalam kajian lain, Bajuri, Sarnon@Kusenin, Saim, dan Ibrahim (2018b) mendalami pengetahuan ibu bapa pelihara berkenaan konsep pemeliharaan berasaskan keluarga, khususnya dalam meneliti aspek yang berkaitan dengan salah faham atau kekeliruan antara jagaan pelihara dan pengangkatan, serta sumber pengetahuan yang diperoleh daripada pengalaman peribadi mereka. Chan dan Raja Halim (2019) turut menjalankan kajian untuk menilai pemahaman ibu bapa pelihara berhubung konsep jagaan pelihara di Malaysia. Kajian mereka mempertimbangkan tiga aspek utama iaitu, (i) ketiadaan definisi yang jelas tentang istilah "anak pelihara"; (ii) motivasi awal untuk memohon jagaan pelihara; dan (iii) perasaan pemohon selepas menerima tawaran anak pelihara dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kajian-kajian ini kebanyakannya tertumpu kepada pemahaman mengenai jagaan pelihara sebagai salah satu bentuk pemeliharaan berasaskan keluarga terutamanya dari perspektif ibu bapa pelihara. Ini adalah kerana kebanyakan ibu bapa pelihara masih menganggap anak pelihara dan anak angkat adalah sama. Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang yang ketara dalam kajian-kajian ini dari aspek undang-undang dan dasar jagaan pelihara di Malaysia.

A.Kadir (2011), Mohd dan A.Kadir (2012; 2014) dan A.Kadir & Mohd (2022) telah mengkaji secara meluas konsep jagaan pelihara dan pelaksanaannya di Malaysia dengan mengambil kira peruntukan undang-undang dalam Akta Kanak-Kanak 2001, serta mempertimbangkan perspektif Islam. Kajian-kajian ini juga telah menjelaskan peranan penting yang dimainkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam mengawal jagaan pelihara ini. A.Kadir dan Mohd (2021) telah meneroka penglibatan sektor swasta dalam menawarkan perkhidmatan jagaan pelihara untuk kanak-kanak tanpa jagaan ibu bapa di Malaysia. Walaupun sektor swasta termasuk pertubuhan bukan kerajaan mengambil bahagian secara aktif dalam menyediakan jagaan institusi untuk kanak-kanak ini, namun masih terdapat kekangan yang menghadkan keupayaan mereka untuk menawarkan perkhidmatan jagaan pelihara berasaskan keluarga. Ini adalah kerana Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah pemegang kuasa eksklusif ke atas penawaran servis jagaan pelihara di Malaysia. Namun begitu, OrphanCare sebuah pertubuhan bukan kerajaan, telah dibenarkan untuk menguruskan jagaan pelihara dan pengangkatan tertakluk kepada kelulusan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Memandangkan ketiadaan perundangan khusus yang mengawal jagaan pelihara di Malaysia, prosedur untuk mengambil anak pelihara adalah berdasarkan amalan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Maklumat berkaitan, seperti proses permohonan anak pelihara, kelayakan ibu bapa pelihara, dan elaun, boleh didapati di laman web rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat (2023) dan Kementerian Kewangan (2022). Namun begitu, kajian-kajian ini memberikan pandangan terhad tentang garis panduan dan kepentingan pindaan yang dibuat kepada Akta Kanak-Kanak 2001 pada 2016, khususnya dari aspek jagaan pelihara sebagai pemeliharaan berasaskan keluarga. Akibatnya, masih terdapat jurang dalam memahami implikasi perubahan undang-undang ini

ke atas amalan jagaan pelihara di Malaysia, yang menekankan keperluan untuk penyelidikan lanjut dalam bidang ini.

Jagaan Pelihara Sebagai Mekanisma Perlindungan Kanak-kanak

Perbandingan Konsep Jagaan Pelihara Dengan Konsep Pengangkatan

Jagaan pelihara merupakan sistem yang menyediakan penjagaan sementara untuk kanak-kanak yang tidak boleh tinggal bersama ibu bapa kandung mereka kerana pelbagai sebab seperti penderaan, pengabaian, atau dibuang. Sistem jagaan pelihara ini juga bertujuan untuk menyediakan persekitaran yang selamat dalam memelihara kanak-kanak ini sehingga mereka boleh disatukan semula dengan keluarga kandung mereka atau ditempatkan di penempatan kekal seperti pengangkatan (Stahl, 1990). Contohnya, Child Welfare and Adoption Assistance Act 1980 di Amerika Syarikat, kerajaan mempunyai kuasa undang-undang untuk mengeluarkan kanak-kanak dari rumah apabila mereka berada dalam bahaya di bawah jagaan ibu bapa mereka. Ini membenarkan kerajaan bertindak bagi pihak kanak-kanak yang tidak boleh bertindak bagi pihak mereka sendiri. Oleh itu, dapat dilihat di sini bahawa keutamaan jagaan pelihara adalah sebagai penempatan sementara kanak-kanak sehingga penyatuan dengan keluarga kandung atau penempatan kekal seperti pengangkatan dapat diaturkan.

Dari segi undang-undang, jagaan pelihara berbeza mengikut negeri dan negara, tetapi secara amnya ia merujuk kepada penempatan sementara kanak-kanak di rumah ibu bapa pelihara yang berlesen. Di Amerika Syarikat, misalnya, agensi Negeri mempunyai tanggungjawab untuk penempatan dan penjagaan bagi kanak-kanak yang ditempatkan jauh daripada ibu bapa atau penjaga mereka (42 U.S.C. § 675(1)). Ini termasuklah kanak-kanak yang telah dikeluarkan dari rumah mereka kerana penderaan atau pengabaian, serta mereka yang ditempatkan secara sukarela oleh ibu bapa. Ini bermaksud dari segi undang-undang, kerajaan adalah penjaga sah kepada anak pelihara dan tiada pemindahan hak undang-undang daripada ibu bapa kandung kepada ibu bapa pelihara seperti dalam pengangkatan.

Walaupun sistem jagaan pelihara mempunyai manfaatnya, ia juga mempunyai cabarannya. Sekiranya dapat dilihat, kanak-kanak dalam jagaan pelihara sering mengalami trauma emosi akibat perpisahan daripada keluarga kandung mereka dan ketidakstabilan berpindah dari satu rumah ke rumah yang lain. Selain itu, terdapat kekurangan ibu bapa pelihara yang berkelayakan, yang boleh menyebabkan kesesakan di institusi. Untuk menambah baik sistem jagaan pelihara, perlu ada lebih banyak sokongan untuk kedua-dua anak dan ibu bapa pelihara. Ini termasuk menyediakan sumber seperti perkhidmatan kaunseling dan bantuan kewangan untuk ibu bapa pelihara. Ia juga melibatkan menangani isu sistemik seperti kemiskinan dan penyalahgunaan bahan seperti dadah yang menyumbang kepada kanak-kanak ditempatkan dalam jagaan pelihara. Walaupun sistem jagaan pelihara menyediakan perkhidmatan yang diperlukan untuk kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan, masih banyak usaha yang diperlukan untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat penjagaan dan sokongan yang sewajarnya semasa mereka berada dalam sistem jagaan pelihara tersebut (King, 1989; Stahl, 1990).

Pengangkatan pula merujuk kepada proses undang-undang di mana individu atau pasangan menjadi ibu bapa yang sah dan tetap kepada anak yang bukan daripada keturunan kandung mereka (Encyclopaedia Britannica, 2023). Pengangkatan biasanya dilakukan apabila kanak-kanak tidak dapat dijaga oleh ibu bapa kandung mereka atau apabila ibu bapa kandung secara sukarela memilih untuk melepaskan hak mereka. Pengangkatan juga ditakrifkan sebagai

tindakan atau proses mengambil anak angkat (Merriam-Webster, 2023). Tambahan lagi, ianya merupakan satu proses undang-undang yang kompleks dan berbeza bergantung pada bidang kuasa, jenis pengangkatan seperti domestik atau antarabangsa mahupun faktor-faktor lain. Pengangkatan selalunya melibatkan penilaian perundangan dan kerja sosial yang meluas untuk memastikan pengambilan anak angkat adalah demi kepentingan terbaik kanak-kanak itu. Jika ditelusuri, anak angkat itu akan berkongsi semua hak anak kandung termasuk yang berkaitan dengan penjagaan, nafkah, pewarisan harta pusaka, dan akan mempunyai status yang sama dari segi pertalian darah dan keluarga (Encyclopaedia Britannica, 2023).

Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pengangkatan adalah cara penting untuk menyediakan keluarga kekal bagi kanak-kanak yang tidak boleh tinggal bersama ibu bapa kandung mereka. PBB menyatakan bahawa kepentingan terbaik kanak-kanak hendaklah menjadi pertimbangan utama dalam semua tindakan mengenai kanak-kanak, termasuk pengangkatan (United Nations, 2020; UNICEF, 1989). Ini bermakna pengambilan anak angkat hendaklah sentiasa dilakukan dengan mengambil kira kepentingan terbaik kanak-kanak, dan kesejahteraan mereka harus menjadi keutamaan.

Oleh itu, pengangkatan memberi manfaat kepada kedua-dua anak dan ibu bapa angkat. Untuk kanak-kanak, ia menawarkan kestabilan, kasih sayang dan sokongan daripada keluarga kekal. Bagi ibu bapa angkat, ia memberi peluang untuk mencipta atau mengembangkan keluarga mereka melalui tindakan kasih sayang yang bermakna. Pengambilan anak angkat menjadikan proses undang-undang penting dalam menyediakan kanak-kanak dengan keluarga yang penuh kasih sayang di samping memenuhi keinginan mereka yang ingin menjadi ibu bapa. Namun perlu ditekankan bahawa pengangkatan dan jagaan pelihara adalah dua kaedah berbeza untuk menyediakan perlindungan untuk kanak-kanak yang tidak boleh tinggal bersama ibu bapa kandung mereka. Walaupun kedua-dua pilihan bertujuan untuk menyediakan persekitaran keluarga yang selamat dan stabil untuk kanak-kanak, terdapat perbezaan yang ketara antara kedua-duanya.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, jagaan pelihara ialah penempatan sementara di mana kanak-kanak ditempatkan dalam jagaan ibu bapa pelihara berlesen. Matlamat jagaan pelihara adalah untuk menyatukan semula kanak-kanak itu dengan keluarga kandung mereka, tetapi sekiranya tidak mungkin, maka pengangkatan boleh dipertimbangkan. Pengangkatan, sebaliknya, adalah penempatan tetap di mana anak itu menjadi sebahagian daripada keluarga itu. Selain itu, perbezaan paling ketara antara jagaan pelihara dan anak angkat ialah status undang-undang kanak-kanak tersebut. Dalam pengangkatan, hak ibu bapa kandung akan ditamatkan secara sah, dan semua hak ibu bapa dipindahkan kepada ibu bapa angkat. Sebaliknya, apabila kanak-kanak ditempatkan dalam jagaan pelihara, ibu bapa kandung mengekalkan hak undang-undang mereka, dan ibu bapa pelihara hanya menerima jagaan sementara untuk kanak-kanak tersebut (A.Kadir, 2011; Mohd, 2008). Ini bermakna bahawa jagaan pelihara bertujuan sebagai penyelesaian sementara manakala pengangkatan pula menyediakan keluarga kekal untuk kanak-kanak itu. Satu lagi perbezaan utama antara jagaan pelihara dan jagaan angkat ialah sokongan kewangan yang diterima oleh penjaga. Ibu bapa pelihara mendapat elaun dalam menjaga anak pelihara (Kementerian Kewangan, 2022; Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2023). Sebaliknya, ibu bapa angkat tidak layak mendapat apa-apa elaun atau bantuan kewangan kerana mereka adalah bertanggungjawab secara rasmi untuk semua perbelanjaan yang berkaitan dalam membesarkan anak tersebut yang dianggap sebagai anak sendiri.

Walau bagaimanapun, kedua-dua kaedah perlindungan kanak-kanak iaitu jagaan pelihara dan pengangkatan boleh memberi kesan emosi yang mendalam kepada kanak-kanak dan keluarga. Pengangkatan mewujudkan hubungan undang-undang dan emosi yang kekal antara kanak-kanak dan keluarga angkat, manakala jagaan pelihara ialah penyelesaian sementara, dengan matlamat untuk menyatukan semula kanak-kanak itu dengan keluarga kandung mereka atau mencari penempatan kekal melalui pengangkatan. Oleh itu, jagaan pelihara dan pengangkatan adalah dua cara yang berbeza untuk menyediakan pemeliharaan dan perlindungan bagi kanak-kanak yang tidak boleh tinggal bersama ibu bapa kandung mereka. Setiap pilihan mempunyai faedah dan cabarannya, dan adalah penting untuk mempertimbangkannya dengan teliti sebelum membuat keputusan. Akhirnya, pilihan terbaik untuk kanak-kanak bergantung pada keadaan mereka dan keupayaan penjaga yang berpotensi untuk menyediakan perlindungan yang terbaik untuk kanak-kanak.

Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) Dan Perspektif Islam Berkaitan Jagaan Pelihara

CRC ialah perjanjian antarabangsa yang menggariskan hak asasi kanak-kanak. Ia telah diterima pakai oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1989 dan telah disahkan oleh hampir semua negara di dunia, kecuali Amerika Syarikat. CRC menetapkan hak dan tanggungjawab kerajaan, ibu bapa, dan individu dalam memastikan kesejahteraan dan perlindungan kanak-kanak. CRC mengiktiraf hak setiap kanak-kanak untuk membesar dalam persekitaran keluarga, sebaik-baiknya bersama ibu bapa kandung mereka. Walau bagaimanapun, dalam situasi di mana kanak-kanak tidak boleh tinggal bersama ibu bapa atau keluarga mereka, CRC menekankan kepentingan penjagaan alternatif, seperti jagaan pelihara dan pengangkatan demi kepentingan terbaik kanak-kanak itu.

Perkara 20 CRC menyatakan bahawa kanak-kanak yang dilucutkan secara sementara atau kekal dari persekitaran keluarga, atau yang demi kepentingan terbaik mereka tidak boleh dibenarkan tinggal dalam persekitaran itu, hendaklah berhak mendapat perlindungan dan bantuan khas yang disediakan oleh kerajaan. Perkara ini mengiktiraf bahawa kanak-kanak mempunyai hak untuk memiliki keluarga atau persekitaran keluarga, tetapi juga mengakui bahawa dalam situasi tertentu, demi kepentingan terbaik kanak-kanak untuk ditempatkan dalam jagaan institusi. Oleh itu, apabila seorang kanak-kanak tidak mempunyai keluarga untuk memelihara mereka, perlindungan khas atau bantuan daripada kerajaan haruslah disediakan. Perlindungan dan bantuan ini termasuklah penjagaan alternatif seperti pengangkatan, jagaan pelihara, kafalah dan bentuk sokongan lain seperti jagaan institusi bagi memastikan keperluan fizikal, emosi dan psikologi kanak-kanak itu dipenuhi. Perkara 21 CRC pula secara jelas membuat peruntukan untuk pengangkatan sebagai mekanisme pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak yang memerlukannya. Kerajaan juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kanak-kanak itu tidak dipisahkan daripada ibu bapa mereka di luar kehendak mereka, kecuali apabila pihak berkuasa yang berwibawa tertakluk kepada semakan kehakiman menentukan, mengikut undang-undang dan prosedur yang terpakai, bahawa pemisahan sedemikian adalah perlu untuk kepentingan terbaik kanak-kanak itu (United Nations, 2010).

Secara keseluruhan, Perkara 20 dan Perkara 21 CRC bertujuan untuk memastikan kanak-kanak yang tidak boleh dijaga oleh keluarga mereka menerima perlindungan, penjagaan dan sokongan yang diperlukan untuk berkembang dalam persekitaran yang selamat dan memupuk. Dalam Islam, konsep jagaan pelihara dikenali sebagai kafalah yang turut diiktiraf oleh CRC sebagai bentuk jagaan alternatif kepada kanak-kanak yang tidak mempunyai ibu bapa atau keluarga. Kafalah merujuk kepada tindakan menjaga kanak-kanak yang memerlukan

pemeliharaan dengan memberikan kasih sayang, sokongan, dan perlindungan seolah-olah mereka adalah keluarga sendiri. Ia dianggap sebagai tindakan yang amat terpuji dan mendapat ganjaran dalam Islam dengan menekankan kepentingan menjaga kanak-kanak yang lemah dan memastikan kesejahteraan mereka (Ahmad, 1999). Kafalah menyediakan kanak-kanak dengan persekitaran yang kondusif termasuklah dalam memenuhi keperluan fizikal, emosi, pendidikan dan rohani mereka. Kafalah tidak mewujudkan hubungan ibu bapa yang sah antara ibu bapa pelihara dan anak pelihara. Kanak-kanak itu mengekalkan keturunan biologi dan hak pewarisan daripada ibu bapa kandung mereka. Bagaimanapun, ibu bapa pelihara bertanggungjawab terhadap kesejahteraan anak pelihara dan digalakkan untuk membesarkan mereka mengikut nilai dan ajaran Islam serta boleh memberikan mereka harta melalui hibah atau wasiat (M, Usang & Sloth-Nielsen, 2014; Mohd, 2008).

Dalam Surah Al-Baqarah (2:83), Allah berfirman:

Dan (ingatlah) ketika Kami mengambil perjanjian dari Bani Israil, [menyuruh mereka]: 'Janganlah kamu menyembah selain Allah, dan berbuat baiklah kepada ibu bapa dan kerabat, anak yatim, dan orang miskin.

Ayat ini menekankan tanggungjawab umat Islam untuk menjaga anak yatim dan melayan mereka dengan baik dan belas kasihan.

Islam juga menitikberatkan keadilan dan layanan adil terhadap anak pelihara. Dalam Surah An-Nisa (4:127), Allah berfirman:

Dan mereka meminta kepadamu, [wahai Muhammad], suatu ketetapan [hukum] terhadap wanita. Katakanlah, 'Allah memberimu ketetapan tentang mereka dan [tentang] apa yang Telah dibacakan kepada kamu di dalam Al-Kitab tentang anak-anak yatim yang kamu tidak memberikan kepadanya apa yang ditakdirkan untuk mereka - dan (tetapi) kamu ingin mengawini mereka - dan tentang orang-orang yang tertindas di antara anak-anak.

Ayat ini mengingatkan orang yang beriman supaya menunaikan hak anak yatim dan menjaga kepentingan mereka.

Dari perspektif Islam, pengangkatan adalah tidak dibenarkan kerana ianya mengiktiraf ibu bapa angkat sebagai ibu bapa kandung. Namun, konsep kafalah yang juga mencerminkan jagaan pelihara dibenarkan bagi melindungi anak yatim atau anak yang terbuang yang tidak mempunyai keluarga. Oleh itu, dapat dilihat bahawa CRC dan perspektif Islam saling mengiktiraf jagaan pelihara dan kafalah sebagai mekanisme perlindungan kanak-kanak. Ini adalah penting bagi menjamin kebajikan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan terutamanya dalam pemeliharaan berasaskan keluarga. Walaupun tanpa pemindahan hak undang-undang ibu bapa kandung kepada ibu bapa pelihara, kanak-kanak ini masih dapat dipelihara dalam suasana kekeluargaan berbanding suasana institusi. Ini dapat membantu pertumbuhan yang sihat dari segi fizikal, mental dan emosi kanak-kanak tersebut.

Jagaan Peliharaan Menurut Perspektif Undang-Undang Malaysia

Tiada Undang-Undang Spesifik Dan Peruntukan-Peruntukan Terhad Di Bawah Akta Kanak-Kanak 2001

Bahagian V dalam Akta Kanak-Kanak 2001 adalah perundangan utama yang mengawal pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak di Malaysia oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Akta Kanak-Kanak 2001 juga menyediakan beberapa peruntukan berkaitan jagaan pelihara untuk kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan terutamanya mereka yang tidak mempunyai ibu bapa atau keluarga. Kanak-kanak ini telah ditakrifkan di bawah Seksyen 17, Akta Kanak-Kanak 2001 yang merangkumi anak yatim serta kanak-kanak terbiar atau dibuang, didera dan diabaikan. Jagaan pelihara secara formal diatur oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menempatkan anak terbuang dalam jagaan ibu bapa pelihara yang sesuai di bawah perintah mahkamah seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 30(1)(c)(i), Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016). Kanak-kanak itu akan dipelihara untuk tempoh dua tahun atau sehingga dia mencapai umur lapan belas tahun, mengikut mana-mana adalah lebih pendek.

Kanak-kanak ini diletakkan di tempat yang selamat sebelum penempatan jagaan pelihara tersebut berlaku. Sebelum perintah di bawah peruntukan ini dibuat oleh Mahkamah Kanak-Kanak, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat akan membuat iklan dalam mencari ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut. Jika tiada tuntutan untuk kanak-kanak itu selepas tiga puluh hari, maka Jabatan Kebajikan Masyarakat akan mengesyorkan supaya mahkamah meletakkan kanak-kanak itu dalam jagaan pelihara. Dalam membuat perintah itu, mahkamah hendaklah mempertimbangkan kepentingan terbaik kanak-kanak sebagai pertimbangan utama. Ibu bapa pelihara perlu disahkan sebagai sesuai oleh Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui permohonan Program Anak Pelihara (A.Kadir, 2011).

Seksyen 30 ini juga seakan menentukan bahawa hak dan tanggung jawab ibu bapa kandung akan dikembalikan jika kanak-kanak tersebut dapat disatukan dengan mereka atau jika tempoh jagaan pelihara berakhir. Namun bagi jagaan pelihara anak yang terbuang, mahkamah boleh membuat perintah di bawah subsekyen (4) supaya anak pelihara itu diangkatkan sama ada oleh ibu bapa pelihara atau orang lain apabila tamat tempoh 2 tahun dan ibu bapa kandung tidak dapat dikesan selepas langkah-langkah tertentu telah diambil.

Selain peruntukan-peruntukan ini, terdapat Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Pemeliharaan Berasaskan Keluarga) 2017. Peraturan-peraturan ini turut terpakai bagi penempatan kanak-kanak dalam jagaan pelihara di bawah Seksyen 30(1)(c)(i). Peraturan-peraturan ini merangkumi pemilihan dan kelayakan ibu bapa pelihara, serta kewajipan ibu bapa pelihara dan ibu bapa kandung atau penjaga. Ini adalah penting dalam memelihara kebajikan dan kepentingan kanak-kanak yang ditempatkan dalam jagaan pelihara terutamanya dalam usaha menyatukan kanak-kanak tersebut dengan ibu bapa kandung. Namun, peraturan ini tidak menyebut secara jelas mekanisme pemantauan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat walaupun ibu bapa pelihara bertanggungjawab melaporkan apa-apa insiden kecederaan, kematian atau keganasan terhadap anak pelihara dalam tempoh dua puluh empat jam.

Secara keseluruhannya, Akta Kanak-Kanak 2001 mengiktiraf kepentingan menyediakan pemeliharaan dan perlindungan yang sewajarnya kepada kanak-kanak yang memerlukannya, termasuk melalui penyediaan jagaan pelihara apabila perlu. Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan peruntukan-peruntukan yang berkaitan jagaan pelihara yang boleh ditambah baik bagi menjamin perlindungan terhadap kanak-kanak tersebut. Contohnya tiada peruntukan jelas mengenai pemantauan. Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Pemeliharaan Berasaskan Keluarga) 2017 telah menyediakan kelayakan dan pemilihan ibu bapa pelihara termasuk keperluan menghadiri kursus atau latihan seperti yang diminta oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dalam hal ini, program latihan standard dapat membantu kesediaan ibu bapa pelihara dalam menjaga anak pelihara. Tanggungjawab mereka juga telah dinyatakan dalam

Peraturan-Peraturan tersebut terutamanya dalam memastikan kebajikan, keselamatan, kesihatan dan pendidikan anak pelihara terjamin. Namun, tanpa pemantauan yang mantap, kebajikan anak pelihara mungkin terancam pada bila-bila masa. Oleh itu, tanpa perundangan khas untuk jagaan pelihara, Jabatan Kebajikan Masyarakat memainkan peranan penting dalam mencari ibu bapa pelihara yang sesuai dan berkelayakan bagi menjamin dan melindungi kebajikan anak pelihara. Ini adalah kerana dari segi undang-undang, Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah penjaga sah kepada anak pelihara dan hanya mewakili ibu bapa pelihara untuk memelihara mereka. Selain itu, adalah penting untuk dinyatakan bahawa jagaan pelihara adalah satu jagan yang berasaskan keluarga yang mana anak pelihara dapat menjalani kehidupan dalam suasana kekeluargaan bersama ibu bapa pelihara.

Amalan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia ialah sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan dan bantuan bagi kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan di Malaysia. Objektif utama jabatan ini adalah untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia dengan menyediakan bantuan kewangan, penjagaan kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan sosial lain kepada mereka yang memerlukan. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah memainkan peranan penting dalam membantu golongan yang lemah seperti kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya dan keluarga berpendapatan rendah. Jabatan ini juga telah memainkan peranan penting dalam menangani isu berkaitan penderaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak termasuklah bayi yang dibuang. Bagi melindungi kanak-kanak ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengendalikan Program Anak Pelihara.

Menurut portal Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2022), anak pelihara ditakrifkan sebagai kanak-kanak yang telah diperintahkan oleh Mahkamah Bagi Kanak-Kanak untuk pemeliharaan, jagaan dan kawalan oleh ibu bapa peliharaan berdasarkan Seksyen 30(1)(c)(i) Akta Kanak-Kanak 2001. Ibu bapa pelihara pula bermaksud seseorang atau mana-mana pasangan yang telah ditawarkan anak pelihara oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia. Ibu bapa pelihara bertanggungjawab untuk memelihara, menjaga dan mengawal kanak-kanak yang telah ditawarkan.

Objektif jagaan pelihara adalah untuk memberi peluang kepada pasangan suami isteri yang tidak mempunyai anak merasai suasana kehidupan berkeluarga mengikut saluran yang betul. Selain itu, ibu bapa pelihara dapat menumpang dan mencurahkan kasih sayang kepada anak pelihara. Bagi anak pelihara pula, mereka berpeluang menikmati kehidupan berkeluarga dan mendapat belaian kasih sayang oleh figura ibu dan bapa. Selain itu, ianya dapat memberikan rangsangan untuk tumbesaran dari aspek fizikal, mental, sosial, emosi dan psikologi. Pendidikan holistik yang lebih baik dan sempurna juga dapat diberikan kepada anak pelihara ini demi menjamin masa depan kanak-kanak tersebut (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2022).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa syarat permohonan yang dikenakan bagi pengambilan anak pelihara sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pertama, seorang ibu bapa pelihara tersebut mestilah warganegara Malaysia dan menetap di Malaysia. Selain itu, mereka hendaklah berusia 25 hingga 60 tahun dan mempunyai perkahwinan secara sah iaitu 5 tahun ke atas. Bagi perkahwinan yang kurang dari 5 tahun dan mempunyai komplikasi kesihatan reproduktif atau kesihatan yang menyukarkan proses kehamilan atau perkahwinan yang lewat permohonan mereka akan dipertimbangkan. Sebagai tambahan, terdapat juga syarat yang dikenakan seperti peluang untuk mendapat anak tipis atas sebab

faktor usia. Bagi pemohon bujang, ianya boleh dipertimbangkan dan perbezaan umur di antara pemohon dan kanak-kanak mestilah melebihi 21 tahun. Tambahan lagi, bagi pemohon lelaki bujang hanya dibenarkan mengambil kanak-kanak lelaki sahaja. Seterusnya, pemohon hendaklah mempunyai pendapatan yang mampu menyara kehidupan keluarga. Pemohon juga hendaklah sihat dari segi mental dan fizikal dan tidak mempunyai rekod jenayah. Keadaan tempat tinggal yang akan didiami oleh anak jagaan pelihara juga hendaklah sesuai dan selamat. Akhir sekali, agama yang dianuti oleh pemohon hendaklah sama dengan kanak-kanak (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2022).

Bagi pemohon yang ingin memohon anak jagaan pelihara, beberapa dokumen sokongan yang diperlukan sewaktu proses permohonan. Pertama, gambar ukuran pasport sama ada suami atau isteri. Selain itu, surat pengesahan dari pegawai perubatan mengenai status kesihatan pemohon (suami/isteri). Seterusnya, salinan kad pengenalan (suami/isteri) dan juga salinan sijil nikah atau sijil pendaftaran perkahwinan. Slip gaji atau pengesahan pendapatan (suami/isteri) juga perlu disertakan sewaktu proses permohonan. Dokumen-dokumen sokongan lain seperti Laporan Pakar Perubatan, surat sokongan atau dokumen lain juga boleh disertakan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2022).

Akhir sekali, setelah segala dokumen yang diperlukan telah lengkap, permohonan oleh pemohon boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang Sistem Permohonan Anak Pelihara atau menghadirkan diri secara fizikal ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan (PKMD/J) di mana tempat pemohon bermastautin atau tinggal. Pemohon juga hendaklah memberi kerjasama kepada Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tujuan temuduga dan lawatan ke rumah dalam proses penilaian. Antara perkara yang dinilai ketika sesi temuduga adalah latar belakang sosial pemohon dan kesanggupan pemohon menjadi keluarga pelihara. Selain itu, Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menjelaskan tentang implikasi menjadi keluarga pelihara dan pemohon hendaklah memenuhi syarat mengikut undang-undang berkaitan seperti Akta Kanak-Kanak 2001, Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, Akta Pengangkatan 1952, dan statut atau ordinan pengangkatan di Sabah dan Sarawak (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2022).

Permohonan yang dipertimbangkan oleh Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri akan didaftarkan dalam senarai ibu bapa pelihara dengan tempoh sah selama 2 tahun dari tarikh permohonan dan satu tahun sebagai tempoh lanjutan. Permohonan baharu hendaklah dikemukakan semula kepada PKMD berhampiran sekiranya pemohon tidak menerima tawaran dalam tempoh 3 tahun tersebut (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2022). Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat akan menawarkan anak pelihara kepada pemohon yang telah diletakkan di dalam senarai menunggu setelah Mesyuarat Panel Penempatan Anak Pelihara bersidang. Ini bagi memulakan proses pepadanan antara anak dan ibu bapa pelihara yang bersesuaian (A.Kadir, 2011). Jabatan Kebajikan Masyarakat juga memberi Bantuan Anak Pelihara bermula dengan kadar RM250 sebulan bagi membiayai seorang kanak-kanak. Walau bagaimanapun, maksimum RM500 sebulan akan dibayar bagi satu keluarga yang memelihara 2 orang anak pelihara atau lebih. Bantuan Anak Pelihara ini boleh dimohon oleh ibu bapa pelihara yang dilantik melalui perintah mahkamah atau melalui Program Anak Pelihara yang dikendalikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2022). Apabila penempatan anak pelihara dalam jagaan pelihara sempurna, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat akan membuat pemerhatian dalam tempoh dua tahun bagi memastikan anak pelihara tidak diabaikan dan dijaga dengan baik oleh ibu bapa pelihara (A.Kadir, 2011). Pemantauan akan berakhir sekiranya anak pelihara berjaya diambil sebagai anak angkat mengikut proses undang-undang.

Kesimpulan

Tiada undang-undang spesifik bagi mengawal jagaan pelihara di Malaysia melainkan peruntukan-peruntukan yang terhad dalam Akta Kanak-Kanak 2001. Selain itu, Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Pemeliharaan Berasaskan Keluarga) 2017 mengawal secara umum penyedia pemeliharaan berasaskan keluarga termasuk ibu bapa pelihara. Jabatan Kebajikan Masyarakat memainkan peranan yang penting dalam penempatan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan dalam jagaan pelihara. Walau bagaimanapun, terdapat ruang untuk penambahbaikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memperkasakan jagaan pelihara di Malaysia. Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia boleh meningkatkan usaha untuk bekerjasama dengan organisasi-organisasi bukan kerajaan dan agensi kerajaan lain untuk mengenal pasti dan menilai ibu bapa pelihara yang berpotensi dan berkelayakan. Ini dapat menambah bilangan ibu bapa pelihara yang berminat untuk memelihara kanak-kanak yang tidak dapat tinggal bersama ibu bapa kandung mereka dan seterusnya mengurangkan bilangan kanak-kanak yang ditempatkan di institusi. Selain itu, sokongan kepada ibu bapa pelihara seperti program latihan standard dan kumpulan sokongan juga perlu diwujudkan dan ditingkatkan. Sebagai tambahan, peruntukan berkaitan pemantauan perlu diwujudkan bagi memastikan ibu bapa pelihara melaksanakan tanggungjawab mereka dan memelihara anak pelihara dengan baik. Oleh itu, adalah penting bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat mengukuhkan mekaniisma pemantauan bagi memastikan kebajikan jangka panjang kanak-kanak dalam jagaan pelihara di Malaysia. Penambahbaikan dari segi undang-undang berkaitan jagaan pelihara dapat meningkatkan keberkesanan jagaan pelihara sebagai salah satu bentuk pemeliharaan berasaskan keluarga yang dianjurkan oleh pindaan kepada Akta Kanak-Kanak 2001.

Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), dengan nombor geran FRGS/1/2022/SSI12/UKM/02/2

Rujukan

- A.Kadir, N. (2011). *Foster care: Concept and provisions of the law in Malaysia*. (Tesis Master, International Islamic University Malaysia).
- A.Kadir, N. & Mohd, A. (2021). The role of the private sector in providing foster care service for children without parental care in Malaysia. Dalam Sayed Sikandar Shah Haneef et al., *Family fiqh in Malaysia: An analysis of the selected issues*. (ms 351-368). Kuala Lumpur: Contemporary Fiqh Research Unit, IIUM & Islamic Book Trust. ISBN 978-967-0526-83-6/ eISBN 978-967-0526-84-3
- A.Kadir, N. & Mohd, A. (2022). Foster care as a child protection measure in Malaysia: A literature review. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(12), 1-14. doi: 10.47405/mjssh.v7i12.2002.
- Adoption and Foster Care Analysis and Reporting System (AFCARS) US, Code of Federal Regulations (CFR). (2020). <https://www.federalregister.gov/documents/2020/05/12/2020-09817/adoption-and-foster-care-analysis-and-reporting-system>.
- Ahmad, I. (1999) 'The Islamic view of adoption and caring for homeless children.' Dalam *Adoption Fact Book III*. Washington: National Council for Adoption.
- Al Jawdah, C. (2020). Challenges to the fostering and adoption of muslim children in the british care system. *Journal of the Contemporary Study of Islam*, 1(2), 61–87. DOI 10.37264/jcsi.v1i2.6

- Bajuri, M. Sarnon@Kusenin, N., Saim, N. J. & Ibrahim, F. (2018a). Konsep jagaan pelihara berasaskan keluarga di malaysia: Definisi, kaedah pengambilan anak pelihara dan ciri-ciri ibu bapa pelihara. *Human Sustainability Procedia*. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/1217>
- Bajuri, M. Sarnon@Kusenin, N., Saim, N. J. & Ibrahim, F. (2018b). Konsep jagaan pelihara berasaskan keluarga: Penerokaan pengetahuan dalam kalangan ibu bapa pelihara di Malaysia. *e-BANGI; Bangi 13 (3)*, 145-157.
- Chan, A. (2015, December 11). Ministry aims for family-based option for displaced kids from 2017. *The Star Online*. [news/nation/2015/12/11/better-child-care-soon-ministry-aims-for-family-based-option-for-displaced-kids-from-2017/](https://www.thestar.com.my/news/nation/2015/12/11/better-child-care-soon-ministry-aims-for-family-based-option-for-displaced-kids-from-2017/)
- Chan, C. C. (2008). Jagaan pelihara (foster care) dan pengangkatan (adoption): Satu perbandingan. Dalam *Pembangunan kanak-kanak: Teori, isu dan cabaran*. (pp. 93-104). Arah Pendidikan, Shah Alam. ISBN 9789833718528
- Chan, C. C. & Raja Halim, R. N. F. (2019). Pemahaman pemohon anak jagaan terhadap konsep jagaan pelihara (*foster care*) di Malaysia. *e-BANGI, suppl. Special Issue 16 (7)*, 1-13.
- Child Welfare and Adoption Assistance Act of 1980, Pub. L. No. 96-272, 94 Stat. 500 (1980).
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2017). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Encyclopedia of Children Health. (2022). Foster care. Dalam E. J. Simonsen (Ed.), *Encyclopedia of Children Health* (2nd ed., Vol. 1, pp. 348-349). ABC-CLIO.
- Frank, M. (ed.) (1983). *Child Care: Emerging Legal Issues*. New York: Haworth Press.
- Frost, N. (2005). *Child Welfare: Major Themes in Health and Social Welfare Vol. III*. Routledge.
- Government of Malaysia (2007). *Implementation of the Convention on the Rights of the Child First Country Report*. Ministry of Women, Family and Community Development.
- Grosz, M. (2006). Provisions for Alternative Care for Children Deprived of Their Family Environment. Dalam Todres, J., Wojcik, M.E and Revaz, C.R (eds.), *The U.N Convention on the Rights of the Child. An Analysis of Treaty Provisions and Implications of U.S Ratification*. Transnational Publishers, Inc.
- Hunt, R.M. (1982). Child Welfare. Dalam *The Encyclopedia Americana* (International Edition) (Vol. 6. pp. 463 - 464). Danbury, Conn: Grolier Incorporated.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2023). *Bantuan Anak Pelihara*. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=VkUyUm1GV0VSWEwzcG1ra2lXTE4rdz09>.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2022). *Tatacara permohonan anak pelihara*. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/full&id=eWh4VU85N3B0QXNnMS9pOWZIUGdTdz09>
- Joyce, J. (2023, March 21). [COLUMNIST] Urgent need of protection and welfare of institutionalised children in Malaysia. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/columnist-urgent-need-protection-and-welfare-institutionalised-children-malaysia-411665>
- Kementerian Kewangan, Malaysia. (2022). *Bantuan anak pelihara*. <https://budget.mof.gov.my/manfaat/faq/bap.html>
- Kerajaan Malaysia (2016). *Penyata rasmi parlimen dewan negara, parlimen ketiga belas, penggal keempat, mesyuarat pertama, bil. 11*. <http://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DN-04052016.pdf>
- King, A. (1989). *Child Care: Adoption and Fostering*. United Kingdom: The Crowood Press LTD

- M Usang, A. & Sloth-Nielson, J. (2014). Islamic kafalah as an alternative care option for children deprived of a family environment. *African Human Rights Law Journal*, 14, 322-345.
http://www.ahrlj.up.ac.za/images/ahrlj/2014/ahrlj_vol14_no2_2014_chapter2.pdf
- Merriam-Webster. (2023). Adoption. Dalam Merriam-Webster.com dictionary.
<https://www.merriam-webster.com/dictionary/adoption>.
- Mohd, A. (2008). *Protection and adoption of abandoned children in Malaysia: A comparative overview with Islamic Law*. Selangor: International Law Book Services.
- Mohd, A. & A.Kadir, N. (2012). Protection of children in Malaysia through foster care legislation and policy. *International Journal of Social Sciences And Humanity Studies*, 4 (1), 63–72.
- Mohd, A. & A.Kadir, N. (2014). Children foster care and practice: What Malaysia can learn from foster care (*ihtidhan*) in Jordan. *IJUM Law Journal* 2(2), 295.
- Stahl, P.M. (1990). *Children on Consignment: A Handbook for Parenting Foster Children and Their Special Needs*. New York: Lexington Books.
- The New Encyclopaedia Britannica, Inc. (1989). *Family and Kinship*. 15th Edition (Vol. 19. ms. 66). Chicago: Encyclopaedia Britannica, Inc.
- UNICEF East Asia and Pacific Regional Office (EAPRO). (2006). *Alternative care for children without primary caregivers in tsunami-affected countries Indonesia, Malaysia, Myanmar and Thailand*. Retrieved May 25, 2023.
<https://bettercarenetwork.org/sites/default/files/attachments/Alternative%20Care%20for%20Children%20in%20Tsunami-Affected%20Countries%20.pdf>
- UNICEF. (1989). Convention on the Rights of the Child. United Nations.
- UNICEF. (2023). *Children in alternative care*. Retrieved October 29, 2023.
<https://data.unicef.org/topic/child-protection/children-alternative-care/>
- United Nations. (2010). 64/142. *Guidelines for the Alternative Care of Children*. blob:<https://resourcecentre.savethechildren.net/1e2920ac-fde7-4f6f-bfa8-df3473cdc408>